



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ABDUL KARIM BIN HJ EMBONG
ARIF KARIMI DALAM UKIRAN DAN PUISI**

OLEH:

BALQIS AINA BINTI ABD RAHMAN	2018223902
CHE WAN NUR SHAFIQAH BINTI SAIMI	2018223332

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT2020-FEB2021)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ABDUL KARIM BIN HJ EMBONG
ARIF KARIMI DALAM UKIRAN DAN PUISI

OLEH:

BALQIS AINA BINTI ABD RAHMAN

2018223902

CHE WAN NUR SHAFIQAH BINTI SAIMI

2018223332

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT2020-FEB2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, yang memberikan berkat dan juga kekuatan kepada kami untuk menyelesaikan projek ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan AkhirNya dan utusan Muhammad, teladan yang ideal untuk manusia.

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada pensyarah Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604), Madam Nurulannisa binti Abdullah atas komen, nasihat dan panduan beliau dalam membantu kami untuk menyelesaikan transkrip ini. Kami amat menghargai semua yang telah dilakukan oleh beliau untuk membantu kami. Semoga Allah membalas segala usahanya.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada semua yang membimbing kami, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan transkrip ini.

Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibu bapa, keluarga serta rakan-rakan yang kami sayangi atas dorongan yang berterusan untuk kami menyelesaikan transkrip ini tepat pada waktunya.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini merupakan satu kajian yang dijalankan untuk menerangkan tentang tokoh tempatan yang berkaitan dengan budaya dan warisan kita. Tokoh yang dipilih untuk kajian ini ialah Encik Abdul Karim Bin Embong, yang merupakan pemilik sebuah surau kayu yang terkenal di Terengganu bernama "Langgar Rindu". Selain itu, tokoh ini akan ditemuramah dengan beberapa soalan yang sesuai dan berkait. Temuramah lisan akan diadakan secara bersemuka dan atas talian secara serentak untuk memastikan semua maklumat diperoleh dengan tepat dan benar tanpa sebarang tokok tambah. Bukan hanya itu, dalam kajian ini akan dijelaskan secara terperinci mengenai apa yang telah disumbangkan oleh "Langgar Rindu" terutama dalam pembangunan Terengganu. Selain itu, artikel ini juga akan menceritakan tentang biodata, pekerjaan, puisi dan juga mengenai apa yang telah mendorongnya untuk membangunkan "Langgar Rindu".*

Kata kunci: *Langgar Rindu, biodata, pekerjaan, puisi, mendorongnya*

Abstract: *This transcript is a study conducted to explain about local figures related to our culture and heritage. The figure chosen for this study is Mr. Abdul Karim Bin Embong, who is the owner of a famous wooden surau in Terengganu named "Langgar Rindu". In addition, this figure will be interviewed with some appropriate and related questions. Oral interviews will be held face to face and online simultaneously to ensure all information is obtained accurately and truthfully without any exaggeration. Not only that, in this study will be explained in detail about what has been contributed by "Langgar Rindu" especially in the development of Terengganu. In addition, this article will also tell about biodata, jobs, poetry and also about what has led him to develop "Langgar Rindu".*

Keyword: *Langgar Rindu, biodata, jobs, poetry, led*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-v
Isi Kandungan.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-x
Transkrip	1-42
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2-4
Bahagian 2: Pendidikan Tokoh.....	5-9
Bahagian 3: Kerjaya Tokoh.....	10-12
Bahagian 4: Soalan Lain-lain.....	13-15
Bahagian 5: Soalan berkaitan Langgar Rindu.....	16-32
Bahagian 6: Sumbangan.....	33-35
Bahagian 7: Anugerah dan Pencapaian.....	36
Bahagian 8: Cabaran dan Harapan.....	37-42
Lampiran	43-66
Log Wawancara.....	44-48
Diari Kajian.....	49-53
Senarai soalan.....	54-59
Surat Perjanjian.....	60-61
Gambar.....	62-64
Indeks.....	65-66

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Figure 1: Encik Abdul Karim Hj Embong

Nama:

Abdul Karim Bin Haji Embong.

Umur:

61 tahun.

Tarikh lahir:

6 April 1959.

Tempat lahir:

Kampung Rhu Tapai, Merang, Setiu, Terengganu.

Status:

Duda

Bilangan Anak:

8 orang.

PENGENALAN

PENGENALAN

Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu objek yang penting bagi memelihara sejarah yang tidak dapat direkodkan, serta sebagai suatu memori kepada sesebuah peristiwa yang dapat dijadikan sebagai bukti sejarah. Selain daripada itu, sejarah lisan juga dapat membantu untuk meningkatkan sumber-sumber sejarah sebagai bahan pendidikan kepada generasi yang akan datang.

Sejarah lisan yang direkodkan merupakan hasil maklumat yang diperolehi daripada pengasas Langgar Rindu, iaitu Encik Abdul Karim Hj Embong, yang menceritakan tentang sejarah penubuhan Langgar Rindu, inspirasi beliau ketika membina surau tersebut serta kehidupan dan sejarah beliau sendiri sebelum beliau membina Langgar Rindu.

Temubual bersama-sama dengan tokoh dijalankan secara bersemuka juga secara alam maya, iaitu dengan menggunakan 'Google Meet' bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah benar dan tiada unsur tokok tambah yang berlaku.

Kesimpulannya, temubual dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih tepat berkaitan dengan Langgar Rindu serta sejarah silam pemilik surau tersebut iaitu, Encik Abdul Karim atau lebih dikenali dengan nama Arif Karimi dengan lebih terperinci.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang seorang tokoh di Negeri Terengganu yang sangat disegani ramai. Beliau telah dijadikan tokoh kerana kesungguhan dan usaha beliau yang telah berjaya menubuhkan sebuah surau yang lain daripada yang lain. Surau tersebut telah diberi nama 'Langgar Rindu', bersama pengasas tersebut Encik Abdul Karim bin Hj Embong dengan ditemuramah oleh pelajar dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Machang. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

EA: Encik Abdul Karim bin Hj Embong

CW: Che Wan Nur Shafiqah Binti Saimi

BA: Balqis Aina Binti Abd Rahman

TRANSKRIP

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

CW : Saya mulakan dengan soalan ya. Apakah nama penuh encik?

EA : Abdul Karim Bin Embong.

CW : Nama panggilan yang selalu Encik gunakan?

EA : Dalam keluarga dan di kampung ni, dipanggil Arif ataupun Poksu Arif.

CW : Berapakah umur Encik?

EA : Enam puluh satu.

CW : Dimanakah tempat lahir Encik Arif?

EA : Di Kampung Rhu Tapai, Merang, Setiu. Yakni, kampung ni lah.

CW : Adakah Encik Arif memang asal dari Negeri Terengganu?

EA : Ya.

CW : Bagaimanakah dengan adik beradik Encik Arif adakah mereka juga menetap di Negeri Terengganu?

EA : Ya.

CW : Bilakah tarikh lahir Encik Arif?

EA : Enam haribulan April tahun 1959.

CW : Berapakah bilangan adik-beradik Encik Arif?

EA : Lapan.

CW : Berapa perempuan dan lelaki?

EA : Tiga perempuan dan lima lelaki.

CW : Okay [Baik].

BA : OK. Seterusnya, apakah nama ibu kepada Encik Arif?

EA :

BA : Apakah nama isteri Encik Arif?

EA : Kurang *dengor* [dengar].

BA : Apakah nama isteri Encik Arif?

EA : Hmm. Dah meninggal, sekarang tiada isteri

CW : Teruskan.

BA : Isteri Encik Arif asal dari mana?

EA : *Amende ye ate?* [Apakah dia katakan?]

CW : Asal arwah isteri.

EA : Dari Felda Bukit Pading, Terengganu.

CW : Bukit Pading?

EA : Bukit Pading, Ajil, Terengganu.

CW : Ajil.

BA : Berapakah bilangan anak Encik Arif?

- EA : Apa? (Memandang CW)
- CW : Bilangan anak.**
- EA : Lapan. Meninggal dua, tinggal lagi enam.
- BA : Antara pekerjaan anak-anak Encik Arif?**
- EA : Apa? Pekerjaan?
- CW : Anak-anak (angguk).**
- EA : Dua bekerja sendiri. Satu yang perempuan di Hospital Putrajaya, Unit Kanser. Selepas itu, yang Kuantan, saya tak pasti kerja apa tapi dengan PETRONAS *kat* [di] Gebeng. Selepas itu, satu, dua lagi tinggal. Satu lagi yang bongsu sedang, baru tamat pengajian di Universiti Petronas, tak kerja lagi.
- BA : Berapakah bilangan cucu Encik Arif?**
- EA : Tujuh.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENDIDIKAN TOKOH

CW : Sekarang, kita beralih kepada soalan berkenaan pendidikan Encik Arif.

Dimanakah sekolah rendah Encik Arif?

EA : Di Sekolah Kebangsaan L-K-T-P Jerangau.

CW : Pengalaman manis dekat sekolah rendah Encik Arif?

EA : Pengalaman manis, makan manisan lah. Gula-gula manisan. Allahurabbi, (angkat tangan) halau kucing.

CW : Sekolah menengah Encik Arif?

EA : Ada tiga sekolah.

CW : Ada tiga ya?

EA : Pertamanya di Sekolah Menengah Kebangsaan Landas.

CW : Okay [Baik].

EA : Kedua Sekolah Menengah Kebangsaan Maras.

CW : Okay [Baik].

EA : Yang ketiga Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin.

CW : Pengalaman manis di sekolah menengah pun makan manisan?

EA : Makan coklat (ketawa).

CW : Bagaimana Encik Arif kesekolah pada zaman dahulu, jalan kaki ke?

Kaedah ke sekolah pada zaman dahulu.

EA : Jalan kaki.

CW : Berjalan kaki (angguk).

EA : Selepas itu, masa sekolah *nengoh* [menengah], naik *basikka* [basikal].

CW : Bagaimanakah *uniform* [pakaian seragam] sekolah yang Encik Arif pakai ketika bersekolah?

- EA : *Uniform* [pakaian seragam] mase sekolah rendah tu, memang seluar pendeklah. Seluar pendek, warna apa eh biru *op* [kan], tak ingat dah.
- CW : **Sekolah menengah?**
- EA : Sekolah menengah, seluar panjang. Baju putih, seluar hijau. Allah, kejam-kejam.
- CW : ***Okay* [Baik] seterusnya.**
- BA : **Sekiranya Encik Arif masih ingat, berapa orangkah pelajar di dalam kelas Encik Arif?**
- EA : *Mendape?* [Apakah?]
- CW : **Kalau Encik Arif masih ingat, berapa orang rakan sekelas, selalunya dalam sekelas tu berapa orang pelajar?**
- EA : *Dok* [Tak] ingat dah. Biasanya dalam tiga puluh orang lebih *kut* [agakny].
- CW : **Dalam tiga puluh lebih?**
- EA : *Dok* [Tak] ingat dah. Lupa, lama dah.
- CW : ***Next* [Seterusnya].**
- BA : **Apakah taraf pendidikan Encik Arif yang paling tinggi?**
- EA : Apa? (Memandang CW).
- CW : **Taraf pendidikan?**
- EA : Taraf pendidikan. Sekolah *ah* [lah].
- CW : **Sekolah? Menengah lah? Sekolah menengah?**
- EA : Menengah (angguk).
- BA : **Bagaimanakah Encik Arif boleh terlibat dengan skop pendidikan agama?**
- EA : Apa? (Memandang CW).
- CW : **Daripada hasil bahan bacaan kami, Encik Arif mempunyai satu madrasah. Macam mana Encik Arif mendapat pendidikan berkaitan dengan Pendidikan Agama macam tu?**

- EA : *Horh* [Macam tu].
- CW : **Adakah Encik Arif memang jurusan agama? Ambil Jurusan Agama?**
- EA : *Takdok* [Tiada]. Saya pun memang tiada, tidak pernah menjadi *amende ni* [apa ni] kata orang belajar secara formal dalam hal agama ni, melainkan saya, melalui apa ni pendengaran ataupun pembacaan yang saya, pendengaran dari guru-guru yang mengajar macam tu lah. Selepas itu, tentang pembinaan madrasah tu. Itu adalah pilihan daripada Allah Taala, Dia nak kurniakan saya ni untuk membangunkan madrasah ini. Rumah madrah itu adalah agamaNya. Itu sahaja, tak perlu panjangkan.
- CW : *Next* [Seterusnya]. *Mic* [Mikrofon] *satni* [tadi] Poksu simpan?
- EA : Tak tahu.
- BA : ***Okay* [Baiklah], memandangkan surau ini dibina oleh Encik Arif sendiri, bagaimanakah Encik Arif mendapat pendidikan berkenaan dengan ilmu pertukangan?**
- EA : Tiada. Tiada itu pun, maknanya. Apa ni, saya bukanlah petukang, bukanlah tukang dan bukanlah ada ilmu pertukangan. Tapi, apabila ini semua adalah kurniaan Allah la, senang boleh cerita. Maknanya tiada asas apa pun.
- BA : **Adakah Encik Arif mengambil kursus yang khusus di dalam bidang pertukangan?**
- EA : Tiada. Tak pernah.
- BA : **Bagaimanakah suasana pendidikan pada zaman Encik Arif dahulu? Semasa Encik Arif masih belajar.**
- EA : Tak tahu. Nak cerita pun tak *reti* [pandai]. Dia biasa je, macam kita ikut sahaja. Silibus itu, sekolah yang aturkan. Kita pun tak faham juga.
- CW : **Masa itu, guna buku teks semua juga?**

- EA : Ya (angguk). Buku teks masa tu beli sendiri. Tiada bantuan dulu.
- BA : **Seterusnya, apakah perbezaan cara dan kaedah menuntut ilmu pada zaman dahulu dan sekarang?**
- EA : *Amende?* [Apakah?]
- CW : **Pada pendapat Encik Arif, apa perbezaan *student* [pelajar] pada zaman dahulu dan sekarang?**
- EA : Pelajar zaman sekarang, pelajar zaman dulu tiada kemudahan seperti sekarang. Contohnya sekolah pun kadang-kadang tiada elektrik.
- CW : **Dulu?**
- EA : *Ho* [Ya], dulu. Lepas itu, masa-masa tertentu sahaja. Macam apabila nak ada praktikal untuk Pelajaran Sains *gapesebbe* [sebagainya] baru enjin generator dihidupkan.
- CW : **Macam dekat pasar minggu?**
- EA : *Ho* [Ya], *generator* [penjana] dihidupkan. Selepas itu, setelah habis kelas generator itu dimatikan balik ataupun kalau ada majlis apa-apa. Selepas itu, di rumah macam tu juga. Kite belajar dekat rumah berpandukan pada cahaya pelita ayam orang panggil, pelita minyak tanah tu. Tiada eletrikk, tiada apa-apa. Saya mengenal lampu elektrik ini dekat rumah keluarga saya masa saya dah berusia dua puluhan. Dah berusia dua puluhan barulah elektrik ni masuk ke keluarga saya. Sebelum itu pakai pelita tanah.
- BA : **Baiklah seterusnya kami akan teruskan kepada soalan berkaitan dengan kerjaya Encik Arif. Pada umur berapakah Encik Arif mula bekerja?**
- EA : Tak dengar (memandang CW).
- CW : **Pada umur berapa, Encik Arif mula bekerja? Pada zaman sekolah ke? Apa-apa pekerjaan.**

EA : Mula bekerja selepas zaman sekolah.

CW : Selepas Sijil Pelajaran Malaysia?

EA : Tak. Selepas Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

CW : Pada masa itu dah ada Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia?

EA : Ya, dulu gred dua baru boleh ke Tingkatan Enam untuk Sijil Pelajaran Malaysia.

Dia bukan automatik. Maksudnya, Sijil Pelajaran Malaysia nak Gred Dua selepas itu nak kredit Bahasa Malaysia. Kalau tak kredit Bahasa Malaysia, tidak boleh naik ke Tingkatan Enam. Selepas itu Gred Satu dan Gred Dua sekurang-kurangnya. Kalau Gred Tiga tidak boleh naik ke Tingkatan Enam. Sebab itu orang yang ada Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dulu dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sekarang lain. Orang dulu, dia ada Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, dia punya *level* [tahap] fikiran dia *high* [tinggi] sikit sebab dia memang dah terpilih. Sekarang, semua boleh ke pergi ke Tingkatan Enam. Dulu, kalau di Terengganu sekolah yang ada Tingkatan Enam, hanya beberapa buah sahaja. Kalau dekat Bandar Kuala Terengganu, Sekolah Sultan Sulaiman, Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin selepas itu, Sekolah Ibrahim Fikri, Sekolah Menengah Padang Midin, tak banyak lah. Seingat, tak sampai sepuluh buah sekolah di Negeri Terengganu. Tapi sekarang, semua sekolah menengah ada Tingkatan Enam.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: KERJAYA TOKOH

- BA** : Seterusnya, apakah pekerjaan Encik Arif setelah tamat belajar?
- EA** : Mula-mula habis belajar tahun 1978, 1979 dengan 1980 itu saya meniaga. Saya buka kedai *hardware* [perkakasan].
- CW** : **Kedai?**
- EA** : Kedai *hardware* [perkakasan]. Kedai peralatan alat-alat rumah ni, nak buat rumah. Selepas itu, tahun lapan puluh satu saya mula bekerja dengan kerajaan.
- CW** : **Sebagai?**
- EA** : Sebagai Pegawai Felda sehinggalah bulan lapan, bulan Ogos saya *resign* [letak jawatan] dengan Felda dan mendapat kerja. Tidak berapa lama selepas itu, dapat kerja dengan Kerajaan Negeri Terengganu di Pejabat Akautan Negeri, di bawah Setia Usaha Kerajaan. Selepas itu, beberapa tahun di Pejabat Akautan Negeri, selepas itu apabila Kerajaan Negeri memutuskan untuk wujudkan Daerah Setiu pada tahun 1985, maka pada 1 Januari 1985 saya dipindahkan ke Pejabat Daerah Setiu, Bandar Permaisuri. Pada masa itu, dipanggil Pekan Kampung Buluh lagi, dekat Permaisuri nama asal lagi. Selepas enam tahun lebih duduk di Pejabat Daerah Setiu, enam tahun setengah rasanya, saya mendapat jawatan lain di Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu. Selepas enam tahun lebih duduk di Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu, pada 30 Jun 1996 saya mengucapkan *sayonara* [selamat tinggal] pada perkhidmatan kerajaan. Saya meletak jawatan dalam tempoh dua puluh empat jam kerana kata orang, sayang nak kerat rambut, masa itu rambut panjang. Sayang nak kerat rambut, rambut yang mencecah bahu jadi saya pun letak jawatan, senang. Pasal masa itu, saya banyak menjurus kepada penulisan. Penulisan skrip dan puisi, drama pentas. Itu semua sedang susun nak

buat antalogi, yang tebal, yang banyak-banyak itu. Selepas berhenti daripada kerja tahun 1996 itu sehingga sekarang saya tiada kerja-kerja yang terikat melainkan kerja macam ni. Buat kerja, tapi tiada gaji tiada apa-apa. Tapi alhamdulillah, Allah memudahkan rezeki.

CW : Maksudnya memang dalam Negeri Terengganu sahaja Encik Arif bekerja?

EA : Pernah sampai, masa bekerja dengan Felda dulu pernah duduk di Pahang, di Felda Kampung Awah, di Felda Kemasul, kemudian ke Negeri Sembilan Felda Sereting. Selepas itu tukar ke Terengganu di Felda Kerteh 3, lapan bulan di situ, berhenti meletak jawatan.

CW : Maksudnya, pekerjaan terakhir sebelum Encik Arif membina surau Langgar Rindu ini, dengan kerajaan?

EA : Ya (angguk).

CW : Selepas itu, daripada keratan akhbar yang saya baca, Encik Arif juga memiliki sebuah madrasah. Apakah nama madrasah tersebut?

EA : Madrasah Al-Insan Sakar Iman. Ni *banner* [sependuk].

CW : Okay [Baiklah].

EA : Madrasah Al-Insan Sakar Iman.

CW : Apakah yang mendorong Encik Arif untuk membina madrasah tersebut?

EA : Pertamanya memikirkan kepada orang tua saya dan almarhum isteri saya yang telah pergi mendahului saya mereka tiada peluang apa-apa untuk membina akhirat mereka, kerana dia telah dipanggil pergi. Maka kita yang hidup ini sepatutnya membantu dia untuk membangunkan akhirat mereka. Jadi apa yang saya buat ini semua untuk diinfakkan kepada mereka.

CW : Pada tahun berapakah madrasah itu ditubuhkan dan berapa orang pelajar?

EA : Madrasah itu belum beroperasi lagi, tapi bangunan kita bermula pembinaan dia pada tahun 2014. Selepas itu pada bulan Mei tahun 2018 telah siap prasarana dia dari segi asrama, dari segi bilik belajar, kelas, itu bilik ustaz. Selepas itu keperluan-keperluan bilik air dia bilik mandi, bilik dewan makan, dapur dan apa-apa keperluan dia yang telah ada bekalan elektrik dan air. Katil pun dah siap. Katil, tilam, bantal semua dah ada prasarana untuk dia. Cuma dijangkakan mungkin kalau tidak bulan Januari atau pun bulan Februari tahun 2021 pelajar akan dimasukkan.

CW : Anggaran berapa ramai pelajar di dalam madrasah itu?

EA : Lima puluh dan pembelajaran ini tiada yuran, percuma sahaja. Tidak dikenakan yuran makan minum, yuran pembelajaran pun tidak dikenakan. Percuma sahaja.

CW : Tenaga pengajar dari Encik Arif sendiri?

EA : Tidak, ustaz yang berkelayakan. Kita bayar dia, nanti kita akan gajikan.

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: SOALAN LAIN-LAIN

BA : **Daripada apa yang pernah saya baca, mendapati Encik Arif juga merupakan seorang penulis puisi?**

EA : Encik Arif *mende* [Apakah] dia kata?

CW : **Seorang penulis puisi.**

EA : *Hor* (ya).

CW : **Betul?**

EA : Ya (angguk). Selepas itu?

BA : **Berapa banyakkah puisi yang telah Encik Arif tulis?**

EA : Saya tidak pernah hintung, tapi rasanya tidak kurang daripada 300 dan sekarang saya sedang menyusun puisi-puisi sama ada yang telah disiarkan, yang telah saya hantar ke mana-mana media massa sama ada surat khabar, majalah, Dewan Sastera dan Dewan Masyarakat, Majalah Islam ataupun majalah-majalah yang berkaitan dan akhbar Berita Harian, Mingguan Malaysia. Saya sedang susun balik dan kita akan antalogikan. Antalogi itu akan terbahagi kepada tiga bahagian. Pertamanya puisi Ketuhanan satu buku, kedua puisi untuk teman-teman, puisi bersama rakan-rakan dan yang ketiga puisi Kehidupan. Pengalaman kehidupan, citra kehidupan. Kita akan susun patriotik yang itu. Mengenai Negara dan Alam. Saya juga akan keluarkan satu antalogi mengenai skrip drama-drama pentas saya.

BA : **Sejak bilakah Encik Arif mula menulis puisi?**

EA : Di bangku sekolah, masa di sekolah menengah. Guru Bahasa dan Guru Sastera, saya aliran sastera, dia dapat kesan bakat saya melalui karangan-karangan ataupun melalui pembelajaran yang dia ajar, pasal kadang-kadang dia sendiri prosa ada kelainan yang saya prosa lebih tepat dari dia. Dia yang syorkan saya masuk

pertandingan menulis skrip teater pada tahun 1978 dan alhamdulillah skrip itu mendapat nombor satu dan menjadi johan di peringkat Negeri Terengganu pergi ke Zon Timur, Terengganu, Kelantan dan Pahang dan akhirnya ke Zon Kebangsaan.

BA : Apakah nama yang Encik Arif gunakan semasa berkecimpung di dalam bidang puisi?

EA : Arif Karimi. Gabungan nama Arif dengan Abdul Karim, jadilah Arif Karimi. Arif, panggilan daripada keluarga saya, ada sejarah dia sebab apa keluarga, emak saya panggil arif.

CW : Dari mana datang idea untk Encik Arif menulis puisi-puisi?

EA : Ilham. Ilham dan juga pengalaman hidup dari segi pandangan, pendengaran dan sentuhan jiwa. Sebab itu semua puisi-puisi saya, inshaAllah saya boleh ingat dan baru ini, pada Malam Merdeka di Duyung Marina Resort semasa Terengganu *Culture Festival* [Festival Budaya] dan malam penutup dua malam mereka panggil saya untuk deklamasi puisi dan tiada teks di depan, spontan sahaja keluar.

CW : Sebab ingat?

EA : Bukan, tuhan bagi saya boleh keluarkan puisi secara spontan. Contohnya, duduk kat sini sekejap, tengok itu dia boleh keluar. Sewaktu melewati dadamu, matak adalah kapal mengantuk mencari daratan, sedang angin menusuk layar yang sedang berdarah, ketika burung-burung laut bermain liang, selepas itu boleh sambung lagi panjang-panjang dia spontan macam itu.

CW : Ohhh, okay. Antara puisi yang Encik Arif tulis, ada tak mana-mana puisi yang memang menyentuh hati dan menjadi puisi kegemaran Encik Arif?

EA : *Banyak ah* [Banyak sangat]. Yang satu tu, (berdeham) mengenai tanah air.

CW : Tanah air.

- EA : 'Bicara di Antara Dua Nisan' tajuk dia.
- CW : **Bicara dua - dua nisan.**
- EA : Bicara di antara, di antara dua nisan. *Lepah tu* [Selepas itu] emmm yang keduanya puisi 'Destinasi', destinasi adalah satu puisi yang *tekeluor* [terkeluar] daripada mulut saya semasa sedang berada di atas pelamin bersama Almarhum isteri saya dulu. Bukan rancang-rancang pon *dang dang ye datang diri kite pon turun bowoh* [tiba-tiba idea datang saya pon turun ke bawah] deklamasi puisi. Selepas itu, dan selalu saya tersentuh jugak bagi saya adalah 'Salam dari Bumi Darul Iman'. 'Salam dari Bumi Darul Iman'.
- CW : **(Bunyi kereta) Siapakah antara penulis puisi yang selalu encik arif berkongsi idea untuk dalam menghasilkan puisi antaranya? Yang menjadi teman ...**
- EA : *Takdok* [Tiada] *Lone ranger*. [bersendirian].
- CW : **Jadi sekarang, puisi-puisi encik arif tu dalam proses untuk dibukukan lah**
- EA : Di antalogikan.

TAMAT BAHAGIAN D

BAHAGIAN E: SOALAN BERKAITAN LANGGAR RINDU

CW : Okay, sekarang saya akan bertanyakan soalan berkenaan dengan Langgar Rindu. Menagapa surau ini diberikan nama sebagai Langgar Rindu?

EA : Langgar sendiri sebenarnya dia bermaksud surau. Jadi dekat kampung ini, sudah ada surau, jadi kalaulah saya panggilkan juga sebagai dengan panggilan surau, jadi nanti jadi takut ada nanti ada satu perasaan yang tidak bagus. Nanti orang kata “Kenapa pula buat surau, kan surau sudah ada di kampung ini?” Jadi apabila, sekarang kalau orang tanya “Kenapa buat surau satu lagi? Kan sudah ada surau.” Saya kata saya tak buat surau, saya buat langgar. Walaupun langgar sendiri tu dah bermaksud surau. Dia langgar tu dia ada empat makna dalam kamus dewan, satu perlanggaran kenderaan, yang kedua surau atau pun madrasah, yang ketiga kawasan pemakaman diraja macam di Kota Bharu dengan Alor Setar tu kan pahtu makna yang keempat bumbung-bumbung, bumbung atap yang melintang daripada bumbung ibu. Contoh dia bumbung iman tuh. Bumbung iman bumbung ibu dia melintang gini (sambil tunjuk bumbung surau), bumbung iman tu dia, dia kesana dia ke kiblat itu dia panggil lanngar iman. Bawah dia panggil anjung iman, lantai dia tu. Yang sebenarnya, Bahasa kita ini memang kaya, tapi kita miskinkan Bahasa kita. Miskin lagi lepas itu rosakkan bahasa lagi.

CW : Mengapa Encik Arif membuat keputusan untuk membina surau ini di kampung ini sendiri di kampung Rhu Tapai?

EA : Sebabnya, pertamanya adalah, selain daripada kehendak Allah tu, yang pertamanya, saya bina madrasah jadi untuk nak mengelakkan daripada kesusahan pelajar bersembahyang jemaah. Jadi kalau nak suruh dia pergi bersembahyang Jemaah pasal setiap madrasah, memang kita, mana-mana madrasah pun kita

wajibkan mereka sembahyang waktu secara berjemmah di surau. Jadi maka kerana itulah saya buat surau. Pasal surau kampung ini, dengan madrasah lebih kurang 200 meter, jadi 200 meter sekali pergi sembahyang 400 meter. Pergi 200 balik 200 kali 5. 4 kali 5 2000 meter, sehari dia terpaksa berjalan. Kalau hujan, kalau panas, tidak kita menzalimi dia. Jadi untuk mengelakkan kezaliman kepada pelajar-pelajar, maka saya sediakanlah surau. Saya pun tidak jangka dia akan jadi 'viral' jadi tumpuan orang ramai.

CW : Sebab dia unik

EA : Pasal kita buat pun dengan kelas-kelas kayu api orang kata. Kalau orang tengok ni kelas kayu api sahaja.

CW : Bagaimana Encik mendapat ilham untuk membina Surau Langgar Rindu?

EA : Oh, itu ilhamlah (ketawa)

CW : Ilhamlah

EA : Bab ilham ini, ilham. Taka da fikir, tak ada buat lukis pelan taka da. Dia mari macam gambaran. Macam lukisan, pastu kita yang mari dulu macam mana tapi beginilah dengan kayu-kayu hutan.

CW : Hasil bacaan kami juga mendapati bagaimana Encik Arif membuat surau ini adalah dengan mengambil kayu-kayu daripada hutan. Mengapa Encik Arif mengambil keputusan untuk membina, menggunakan kayu tersebut untuk membina surau bukan membina bahan-bahan perabut yang lain seperti meja, kerusi untuk digunakan dirumah sahaja?

EA : Kalau kita buat meja *kusi* [kerusi] kata orang benda bermanfaat dia tak banyak sangat. Lebih pada kata orang Terengganu nok *ngendeng* [nak duduk dekat] nak *sohor* [terkenal]. "Oh lawa meja rumah dia buat begitu". Tapi menafaat dia tak banyak dari segi keagamaan pun tak banyak, dari segi kerohanian pun tak

banyak. Tapi ini apabila kita buat surau ni satu Rumah Allah, Langgar ni satu Rumah Allah, dan disini banyak benda yang boleh disabitkan dengan agama. Satu lagi tengok sahaja Rumah Allah kita selawat dah dapat pahala. Tengok saja khat-khat yang macam 'Subhanallah' yang saya buat itu buat dengan kayu, orang baca je 'Subhanallah', Alhamdulillah orang baca dapat pahala, kita yang buat pun dapat pahala. Mudah-mudahan begitulah. Jadi benda tu adalah satu kebaikan untuk manusia. Jadi itu saja lah.

CW : Berapa lamakah masa yang Encik Arif ambil untuk siapkan surau ini?

EA : Ni tak siap lagi ni. Tapi sehingga sekarang, dah dua tahun setengah. Saya bermula bulan Julai, tahun 2018. Tapi buat perlahan-perlahan begitu lah.

BA : Berapakah keluasan surau itu?

EA : Keluasan yang tepat saya tak hitung lagi, tapi lebih kurang 1200 kaki persegi. Luas lantai dia. Tak termasuk lagi nanti yang *ground floor* [tingkat bawah]. Tingkat bawah nanti ada satu tu lagi. Tapi tak tak tu lagi. Yang atas ni sahaja yang lantai kayu ni sahaja lebih kurang 1200 kaki persegi. Kurang lebih.

BA : Ok, bahagian surau ini, pada pendapat Encik Arif bahagian manakah yang mengambil masa paling lama untuk disiapkan?

EA : Apa?

CW : Bahagian mana macam anjung ke yang paling lama untuk disiapkan.

EA : Oh, bahagian atap lah. Proses dia dengan kayu kekuda -

CW : Encik Arif naik sendiri lah atas tu?

EA : Aah. Dengan masa atap, ada bantuan la ada, ada kawan hantar pekerja dia Kemboja, dua orang. Tapi masa pasang kayu-kayu ni pasang sendiri sahaja. Kita nak panggil pembantu memang tak terdaya pasal masalah kewangan kan.

Pembantu sekarang nak kurang-kurang 80 ringgit sehari. Kita seringgat pun tak ada masuk sehari. (gelak)

CW : Betul

BA : Ok, berdasarkan pada gambar yang pernah saya lihat ada ukiran tulisan jawi, ukiran tu (bunyi kereta)

EA : Apa dia?

CW : Ukiran-ukiran ni Encik Arif tulis sendiri, memang Encik Arif tulis sendiri.

EA : Ya, buat sendiri.

CW : Semua tulis sendiri?

EA : Buat sendiri, lakar sendiri dan pahat tu, bukan pahat, kita pakai mesin. Yang setengah pakai jigsaw, dan yang satu tu, kita pakai dia panggil mesin router yang buat larik tuh, belakang. Saya sendiri pun bukan ada kepakaran pun dalam hal ni, tapi Alhamdulillah la, Allah bagi Alhamdulillah. Macam ni lah gitu lah. Tapi orang tengok, makna sakit kepala juga orang tengok .

CW : Itulah. Enam puluh

BA : Bagaimanakah reaksi keluarga Encik Arif sendiri terhadap surau ini?

EA : Alhamdulillah, mereka semua menyokong penuh. Kalau, lebih daripada serratus peratus lah, Assalamualaikum, waalaikumussalam ... [angkat tangan].

CW : Bagaimana pula dengan reaksi orang kampung?

EA : Orang kampung menyokong pun tidak, mengomen pun tidak. Begitulah, biasa sahaja – []

CW : Adakah Encik Arif memang tinggal di surau ini setiap masa atau -?

EA : Sementara siap, dalam masa proses pembinaan ini, memang saya disini lah. Sebabnya, mesin-mesin dan alat-alat pertukangan semua duduk di sini. Dan benda-benda itu semua, al maklum sahaja, benda boleh hilang (ketawa)

CW : **Sejak surau ini semakin terkenal, adakah terdapat pelancong dari Negeri lain, selain Negeri Terengganu yang dapat melancong di, melancong ke negara ini semata-mata untuk datang ke sini?**

EA : Kalau daripada, kalau Malaysia, termasuk Sabah, Sarawak semua dah ada datang. Dan daripada luar negara, daripada Jepun, daripada Tanah Besar Cina, daripada Singapura, daripada Filipina, daripada Austria, yang dekat Jerman, selepas itu, daripada Australia, daripada Australia daripada Austria, selepas itu, daripada Arab Saudi, daripada Arab Saudi, daripada Yaman, daripada Yaman -

CW : **Datang ke surau ini?**

EA : Ya, semua kebanyakan ada dalam Facebook saya, kalau orang check, tapi dah lama la. Daripada Yaman itu, tahun lepas saya rasa, hujung tahun lepas tak silap, saya lupa. Daripada Perancis.

CW : **Perancis.**

EA : Saito Musasibo nama dia saya ingat lagi. Saito Musasibo. Daripada Barat Perancis. Dia Islam.

CW : **Islam**

EA : Yang Jepun bukan Islam, yang Jepun bukan Islam, Chinese bukan Islam, daripada China. Daripada Australia pun Islam. Keturunan Bani Umaiyah dulu, Uthmaniyyah, keturunan Bani Uthmaniyyah Masa Usamaniyyah takluk Eropah dulu. Dia datang bawa anak dia siap nak tinggal di madrasah sini. Saya tak boleh, saya tak buka lagi.

CW : **Bagaimana reaksi mereka ketika mula-mula sampai di sini?**

EA : Memang, sampai isteri dia sampai menangis dia pergi tengok madrasah -

CW : **Subhanallah**

EA : Dia kata “The first in the world” dia tengok, yang biasa orang buat madrasah, war-warkan, iklankan, selepas itu orang bagi sumbangan orang bagi ni, tukang buat, Ni tebang kayu sendiri, saya bancuh simen sendiri, ikat bata sendiri. Sendiri semua, selepas itu tidak ada minta derma. Cuma orang bagi sumbangan itu cerita lain la. Tapi tak pernah kita buat cari kutipan dana semua ni. Selepas itu, dia menangis, isteri dia menangis. Saya pun dah lupa nama isteri dia. Anak dia saya ingat nama, Fatima, Fatima Az-Zahra. Sebab nama sama dengan anak Nabikan. Anak dia yang perempuan tu dua belas tahun, dia nak tinggal dua beradik. Yang lelaki sembilan tahun. Saya kata tak boleh, sini untuk Hafiz sahaja. Dia kata “Tak apa, anak dia yang perempuan ini dia sewakan rumah”, saya kata tak boleh, tak boleh buat macam itu. Lepas itu, saya syorkan kalau dia nak hantar juga dekat Malaysia, suruh dia pergi dekat Madrasah Darul Iman, Maahad Tahfiz Darul Iman di Tok Jiring. Tak tahu la dia bawa pergi ke tidak. Tapi dia suka di sini, pasal dia kata “alami, buat dengan alam”

CW : Soalan seterusnya.

BA : Apakah soalan, yang sering ditanya oleh pelawat kepada Encik Arif ketika melihat surau ini?

EA : Pertamanya, kadang-kadang soalan pertama “belajar menukang dimana?” Saya jawab, saya bukan tukang, itu sahajalah dan saya tak pernah belajar menukang. Selepas itu, dia tanya “habis itu, tiang-tiang ni, macam mana bangunkan seorang” Lepas itu, payah saya nak – dia, sehingga kadang-kadang dia tidak confident, dia pergi tanya kedai seberang jalan, tapi orang tu cakap macam itu lah, dia kata “yang saya tengok, memang dia buat seorang”.

CW : Itulah, Subhanallah.

EA : Selepas itu, pertanyaan juga lagi berapa banyak sudah habis. Berapa banyak dah kos sudah habis. Selepas itu saya cakap, saya tidak pernah tanda dan saya tidak pernah hitung pun. Cuma yang boleh cakupnya, struktur atap dengan kayu yang beli ni lebih kurang sebelas ribu habis. Itu sahaja. Selepas itu yang lain saya tak pernah tanda, beli itu, beli ini saya tak pernah tanda. Ada duit saya belanja, ada duit saya belanja, tak ada duit, kita tidur. Begitu sahajalah. Dah tak boleh nak buat apa-apa. Tapi macam tadi, macam besi – itu yang kutip yang orang buang itu. Yang kanopi speedboat yang bawak pelancong kan, dia dah rosak kerana bot dibadai angin – lepas itu dia buang, saya minta. Proses balik nak buat kerusi untuk tempat ambil wudhuk. Pasal kalau kita buat dengan itu, dia besi jarang-jarang, air tidak lekat. Kalau kita buat dengan papan, jadi nanti basah orang nak duduk pula payah. Jadi buat itu, Alhamdulillah, itu yang saya proses *dang* [siap]. Tuhan bagi saya pun, saya boleh welding.

CW : Ha, itulah senang

EA : Tak belajar. Saya pun mesin welding pun ada. Sama juga dengan pasang mozek apa, bukan belajar pun tapi Tuhan bagi boleh buat.

CW : Mesin-mesin semua itu, Encik Arif belilah?

EA : Ya, belilah.

CW : Semata-mata untuk buat surau ini?

EA : Buat ini. Buat surau dan buat madrasah ini. Dan semua mesin-mesin yang saya ada sekarang kalau nak beli baru, tak kurang daripada lima belas ribu semua sekali. Itu yang duduk atas ini tu. Kalau hilang satu, sakit kepala juga kata. Sakit kepala lagi, sakit gigi lagi (ketawa). Tapi, Alhamdulillah begitulah.

BA : Sejak surau ini menjadi terkenal, mesti ada mana-mana stesen televisyen -

EA : Apa?

CW : **Stesen televisyen -**

EA : Stesen televisyen, yang pertama datang Astro -

CW : **Oh, Astro.**

EA : Astro. Lepas itu, Tv Al-Hijrah, semua dah siar semua. Tv Al-Hijrah, lepas itu Tv Metro, Tv Bernama, lepas itu TV1. TV1 sudah dua kali. Satu program ‘Santai Pantai Timur’, satu lagi pada sepuluh pada lima Oktober baru ini, program ‘Panorama’. Selepas itu, Youtuber ini, memang banyak sangatlah, kalau tengok dalam Youtube pun memang banyak.

CW : **Next. [Seterusnya]**

BA : **Siapakah artis ataupun ahli politik yang pernah datang untuk melihat surau ini?**

EA : Em, pertamanya Yang Berhormat Kawasan Bandar, ustaz ustaz apa nama saya pun sudah lupa, yang terhormat ustaz – dia sembahyang dhuha sini, dia singgah sembahyang dhuha dan dia tengok sekeliling sini dan dia ada jugalah infaqkan banyak jugalah kira. Selepas itu, yang keduanya, Yang Berhormat Menteri Agama, Datuk Dr Zulkifli. Dia pun datang sembahyang sini dua rakaat, selepas dia bercakap-cakap dengan saya, dia pun ada tinggalkan infaq dia disini. Selepas itu, yang lain-lain saya tidak perasan. Yang ini, yang memang saya perasan. Yang Berhormat Kawasan Bandar itu, saya tidak kenal dia, cuma selepas dia sembahyang, dia nak pergi tandas, bila dia pergi tandas saya tanya pengiring-pengiring yang bersama dengan dia, “siapa itu?” saya tanya. Pengiring dia kata “Yang Berhormat Kawasan Bandar” (ketawa) Bila dia keluar dari tandas saya kata “Minta maaf Yang Berhormat, tak kenal.” Dia suka sahaja, dia kata “Tak kisah.” Dia datang santai begitu. Kita pun mana kenal orang politik apa. Macam

Doktor Zulkifli, kita biasa dah sebelum dia jadi menteri lagi kita sudah kenal.
Okay.

BA : Bagaimana pula dengan wartawan? Dari akhbar apakah yang pernah datang melawat?

EA : Allah. Wartawan ini banyak sangat.

BA : Yang ---

EA : Tapi yang saya jumpa, dia punya artikel dialah, em Berita Harian, selepas itu, Utusan Malaysia, Sinar Harian, majalah The Times ke apa orang putih tu. Eh majalah The Times, majalah kan?

CW : News Strait Times?

EA : Bukan News Strait Times. Akhbar apa entah lupa, ada di dalam. Selepas itu yang --- Selepas itu yang pelancongan ke apa saya rasa. Pasal banyak tidak ada maklumat. Cuma macam yang Berita Harian hari itu, keluar itu, ada kawan beli dia bawa kesini. Dia bagi kepada saya, bolehlah baca. Kita tak ada surat khabar tak ada apa. Selepas itu, macam yang Utusan Malaysia, yang terakhir baru ini, dia hantar melalui email, tapi saya tak boleh nak baca sebab kecil sangat, Kita nak besarkan tulisan tak berapa faham sangat.

BA : Antara semua tetamu ---

EA : Antara apa?

CW : Antara semua tetamu yang datang siapa yang paling istimewa?

EA : Bagi saya, semua tetamu adalah istimewa kerana dia adalah pilihan Allah. Ini rumah Allah dan tetamu yang datang kesini adalah pilihan Allah. Mana tidak ada perbandingan yang ini lebih istimewa yang ini. Bagi saya semua sama. Walaupun dia sekadar kata orang bagi salam tak naik pun duduk di laman sahaja. Sebab apa, sebab Allah gerakkan hati dia untuk singgah tengok, nak tanya khabar, salam apa

semua. Jadi begitulah semua yang itu. Dan kalau tengok di Facebook saya itu, boleh katakan sekarang beberapa bulan kemudian ini saya tidak berapa post sudah. Tapi kalau daripada tahun lepas bulan berapa entah, memang hari-hari saya post tetamu itu.

CW : Memandangkan surau ini belum siap sepenuhnya, apakah penambahbaikan utama yang akan dilakukan? Penambahbaikan untuk menyempurnakan surau?

EA : Pertamanya, sistem pencahayaan, lampu ini. Semua yang ada akan ditukar kepada lampu yang lebih sesuai dengan bangunan ini. Macam lampu panjang ini (sambil tunjuk lampu) bukan tidak sesuai tapi dia tidak berapa, dari segi arkitektur, dari segi design, dia tak berapa masuk orang panggil. Selepas itu, dah ada orang infaqkan benda itu. Dan sekarang mungkin hari ini, wayarman akan datang. Dia buat sikit-sikit hari Jumaat. Paip-paip ini semua yang dia. Di bawah nanti, selepas itu, kolah air sembahyang, kolah wudhuk itu, itu pun nanti kalau siap menjadi satu tarikan juga. Pasal kita ada payung.

CW : Menara yang kayu itu ---

EA : Payung dia. Payung itu pula senget sikit. Nak cerita pun kita tidak ada pelan.

CW : Ilham.

EA : Selepas itu, kita akan bina juga sebuah wakaf di depan untuk orang-orang bertenggek, kadang-kadang orang datang sini, terutama kalau kaum hawa, mungkin setengah masa dia tidak boleh naik ke surau. Kesian duduk *cacang-cacang* [berdiri] situ kadang-kadang. Kita panggil naik dia kata tak apa kita fahamlah. Sebab itu kalau ada wakaf nanti boleh dia duduk di situ, yang boleh naik, boleh naik dan budak-budak pun boleh main-main situ. Selepas itu kita akan juga buat satu gelongsor untuk budak-budak, buaian dengan kayu-kayu hutanlah.

Semua kayu sudah ada, cuma masa poksu tak ---. Selepas itu dekat bawah ini, nanti kita akan buat pelantaianlah kat tanah ni.

CW : Maksudnya bawah itu nanti boleh masuk.

EA : Ha, boleh masuk. Tapi kita tak complete simen la. Kita akan susun bata supaya nampak klasik dia.

CW : Okay, faham faham.

EA : Ada juga orang suruh beli bata yang jogging itu, kata yang itu tak boleh dia familiar, dia – itu sangat. Yang ini, kalau bata ini dia klasik begitu susunan dia.

CW : Selalunya dalam satu hari berapa ramai bilangan pelawat atau tetamu dalam satu hari? Paling ramailah boleh mencecah ---

EA : Paling ramai, ada satu kali, masa cuti Deepavali tahun lepas, bukan yang baru ini. Daripada Rompin, bas tiga biji, kereta dua belas rasa, dia group PIBG, dia keluarga PIBG dia bukan --- sekali dengan budak-budak sekolah. Sampai dia ambil gambar depan ini, kalau tak silap saya empat sesi. Selepas itu, dia orang pun dah buat pungutan untuk buat infaq kesini. Selepas itu, ketua rombongan itu bagi dalam sampul besar, itu pun bukan sikit sikit la, tapi ramai juga yang bagi dekat sini. Bagi dekat tangan paksu ni, dekat saya ini dengan tangisan. Dia kata pasal dia terpanggil. Walaupun dia sudah bagi dalam sampul besar itu, dia rasa macam yang itu tidak *padan* [cukup] dengan ---

CW : Apa yang poksu buat.

EA : Ramai yang menangis, peluk saya, yang lelaki la. Perempuan itu tidaklah (ketawa). Yang perempuan menangis ramai, tapi bukan peluk tapi lelaki itu ramai ---. Dan sehingga sekarang, Alhamdulillah dia masih ada hubungan, kalau kita pos apa-apa dalam FB, dia akan ada like apa, makna dia masih dijiwa dialah.

CW : Apakah antara impak atau kesan positif, hasil pembinaan surau ini kepada negeri Terengganu sendiri? Pada pendapat ---

EA : Alhamdulillah, saya dapat maklumat, saya pun tidak tahu sangat yang sekarang ini dia dah masukkan Langgar Rindu ini dalam apa – dalam bahagian ---

CW : Tarikan pelancong

EA : Ha (bersetuju) Selepas itu, dan saya pernah baca beberapa artikel di Facebook, yang masuk ke dalam Facebook, yang mana sehingga dia kata ini menjadi satu kebanggaan bagi negeri Terengganu kerana inilah satu-satunya rumah Allah di dunia ini yang dibuat macam ini. Sehingga ada satu orang dia kata dia pernah pergi ke Sibu, Filipina, betul dia – ada buat dengan – ada yang buat dengan kayu hutan, tapi kadang-kadang tiang dia dah buat ikut saiz tiang, lepas itu tangga dia dah buat jadi papan. Selepas itu, kayu pulak bukan satu jenis. Macam ini satu jenis kayu, kayu tembusu tak campur dengan kayu lain.

CW : Oh, semua ini kayu tembusu sahaja.

EA : Ha (bersetuju). Semua satu jenis kayu. Termasuk yang bawah bawah itu, semua kayu tembusu. Tak ada kayu lain sebatang pun, melainkan kayu-kayu rumah orang bagi ini. Tapi kayu yang hutan semua kayu tembusu 100 percent. Kecil, besar, tiang ke pagar ke yang kat bawah yang belum buat apa apa itu pun.

CW : Apakah pengalaman paling manis yang Encik Arif lalui sepanjang pembinaan surau ini? Atau semua manis?

EA : Semuanya manis. Tapi yang paling saya terharu tengok, yang pasangan Jepun. Yang pasangan Jepun datang, dia pakai *skirt* [kain], saya beritahu dia, dia tak pandai Inggeris tapi saya explain pada suami dia ni rumah Allah --- dia paham. Oleh kerana dia teruja nak naik, nak tengok atas, dia lompat daripada bawah nak bagi lepas lantai, saya sehingga keluar air mata. *Last-last* [akhirnya], saya ambil

kain pelikat saya, satu kain pelikat yang kita sedia untuk sembahyang bagi ke suami dia suruh bagi ke dia, tunjuk bilik – bilik mandi kat bawah sana suruh dia pergi pakai sana, selepas itu bagi kain satu lagi buat tudung. Saya bagi serban saya dia buat tudung. Ajar suami dia suruh pakai macam ini (sambil tunjuk dan ketawa) belit di tengkak. Tapi sayangnya masa itu, paksu belum ada kamera apa telefon yang ada kamera, Facebook pun tidak ada lagi. Tepuk dahi.

CW : Itu lah. Dah lama simpan.

EA : Bila dia boleh naik, dia punya teruja itu saya tanya suami dia – dia punya teruja dia berlari sana berlari sini sehingga lubang kecil dia *close-up*. Ada kelulut buat sarang, dia tepuk suruh kelulut tu keluar dia *close-up* [ambil jarak dekat]. Dia tunjuk ke saya gambar dia ambil jarak dekat. Tapi kamera dia memang harga puluhan ribulah. Dia punya kaki kelulut itu pun boleh nampak, sayap apa semua dengan warna dia sekali. Itulah bila dia pergi, dia cakap Jepun dengan suami dia masa dia nak pergi, teksi airport tengah tunggu tepi jalan. Dia cakap Jepun, saya tanya suami dia, “apa isteri awak sedang tunjuk-tunjuk itu”. Dia kata dia suruh *donate* [derma] makna bagi sumbangan. Bila suami dia bagi, isteri dia tengok, duit US, US dollar isteri dia tengok mungkin dia rasa tidak cukup, dia buka beg dia dia tambah. Dia bagi ke suami dia. Saya pun lepas dia pergi, dalam setengah jam keluar air mata. Orang bukan Islam – tapi kadang-kadang sama-sama kita yang datang cuma tanya “eh, banyak mana dah habis?”. Kita tak kisah, tapi lain. Mungkin dia tak infaq ke sini, dia infaq ke lain – tapi kadang-kadang itu mungkin dia nak infaq kerana – padahal seringgit pun dah bermakna di sisi Allah taala. Makna, bagaimana dulu masa Takaza Tabuk yang Saidina Abu Bakar menghabisi harta dia, Saidina Umar bawa separuh dari harta dia, Saidina Ali, Saidina Uthman apa semua. Tapi bila datang seorang sahabat kudung itu, yang tiada apa-apa, pergi

ke kebun yahudi ambil upah timba air, yahudi bagi kurma satu genggam, beberapa biji tamar lah berapa banyak sangat satu genggam. Bawa ke Rasulullah, Rasulullah ambil dengan tangisan letak atas sekali, daripada timbunan harta yang sahabat infaqkan letak atas sekali. Sedikit sahaja. Tapi sedikit itulah – Sama juga dengan Abu Bakar, Abu Bakar dengan Saidina Umar, banyak Saidina Umar yang sebenarnya infaq daripada Abu Bakar, tapi gembiranya Allah taala kerana Abu Bakar menghabisi. Makna kalau dia ada sepuluh ringgit, sepuluh ringgit tu habis. Saidina Umar bagi dua puluh ringgit tapi 100 ringgit lagi ada. Makna sukanya Allah taala kepada orang yang memberi kepada agamanya. Apa lagi?

BA : ---

EA : Kuat sikit boleh tak

CW : Kuat sikit

BA : **Apakah pengalaman pahit yang Encik Arif alami semasa membina surau ini?**

EA : Oh, semasa membina itu, tak sangat la. Tapi semasa menghimpun kayu-kayu bawa balik ni, kadang-kadang terasa la juga sebagai naluri sebagai seorang biasakan. Ramai orang kata saya gila. “Oh tu gila sudah tu bawa balik kayu-kayu yang sudah bengkok-bengkok yang hangus api apa semua yang dah terbakar bawa balik. Nak buat apa tak tahu.” Yang itu satu, satu lagi beberapa kali saya jatuh, daripada atas, daripada bumbung. Lebih kurang tiga kali empat kali saya jatuh. Tapi tu adalah suatu tamparan bagi saya. Walaupun luka-luka, tapi Alhamdulillah makna tak ada dari segi patah ke terseliuh ke. Mana kalau tengok keadaan jatuh tu orang kata cukuplah. Yang terakhir saya jatuh, jatuh bawah ada batu. Saya jatuh atas batu. Tapi Alhamdulillah makna kepala pun tak sangat, cuma ada luka di betis sedikit. Dah baik la. Itu sahajalah.

- BA** : **Pernah tak Encik nampak ada orang buat vandalisme dekat surau?**
- EA : Buat apa?
- CW** : **Buat vandalisme dekat surau ini.**
- EA : Sehingga ini tiada lagi. Sehingga ini tiada lagi
- CW** : **Belum ada.**
- EA : Alhamdulillah, didoakan semoga sampai bila-bila tiada.
- CW** : **Di dalam jagaan Allah.**
- EA : Dan Alhamdulillah sehingga sekarang ini, barang-barang, alat-alat saya ini walaupun kadang sampai sehari semalam tinggal, tapi Alhamdulillah makna --
-
- CW** : **Allah jaga**
- EA : Sehingga anak-anak kucing ini pun, cuma seekor sahaja orang larikan. Itu pun kerana dia terkenan sangat barangkali. Orang Kuala Lumpur. Tapi saya tidak tengok dia larikan. Tapi apabila beberapa hari kemudian, dia friend kan Facebook saya, kita tengok masa dia pos kucing itu dia tak perasan anak kucing itu ada dekat rumah dia. Dia tidak perasan. Lepas itu kita hantar ini – Adik-beradik yang ini la, yang buta itu, yang kuning itu, yang kelabu tu seekor. Dia empat ekor dulu, mati seekor, tinggal tiga. Ha adik beradik yang ini, yang kelabu ini (sambil tunjuk kucing). Lawa pada yang ini. Warna satu color, brown satu color. Grey satu color sahaja. Dia bergambar dekat tangga itu. Lepas itu ada seorang itu naik --- rupanya nak kidnap kucing itu. Masa dia kidnap itu saya tak nampak. Tapi kucing itu ada dalam --- Saya yakin kucing itu lah. Sebab ekor dia macam ini, ekor dia tiga kali belok. Bila dia berjalan ekor dia macam ini (sambil tunjuk) tidak begitu.
- CW** : **Sayang kucing ni.**

BA : **Apakah langkah yang Encik Arif ambik untuk jaga surau ini?**

EA : Apa?

CW : **Langkah untuk menjaga surau.**

EA : Langkah kita – dengan doa, dan sembahyang hajat. Dan hari-hari kalau kita nak keluar kemana-mana, nak tinggalkan ini sama ada nak pergi ke kedai ke bandar ke kita bacanya doa Abu Darda dia panggil. Yang Rasulullah bagitahu kepada Abu Darda dan apabila satu ketika Madinah terbakar, ada sahabat pergi turut Abu Darda di masjid, “ya Abu Darda, rumah kamu terbakar”. Dia kata “Tak, rumah aku tidak terbakar”. Datang lagi orang kedua “ya Abu Darda, pergi balik rumah kamu terbakar”, “Tak, rumah aku tidak terbakar”. Mari lagi yang ketiga, macam itu juga cakap “Abu Darda rumah kamu terbakar”, “Tidak, rumah aku tidak terbakar”. Mari yang keempat, beritahu “ya Abu Darba, rumah jiran-jiran kamu semua terbakar, tapi rumah kamu tidak terbakar ditengah-tengah. Apa amalan kamu? Dan begitu yakinnya kamu, tiga orang sudah mari bagitahu rumah kamu terbakar, kamu cakap tidak terbakar”. Dia pun bagitahu “Rasulullah telah ajar aku, apabila hendak tinggalkan rumah, tinggalkan harta bacalah doa:

‘Allahumma Anta Robbi, Laa Ilaha illa Anta. ‘Alaihi Tawakkaltu, Wa Anta Robbul ‘Arsyil-‘Azim. MasyaAllahu KaaNa, Wa Maa Lam Yasha’ Lam Yakun. Laa Haula Wala Quwwata Illa Billahil-‘Azim. A’lamu Annallaha ‘Ala Kulli Syai’in Qodir, Wa Annallaha Kod AhaThoBikulli Syai’in ill-ma. Allahumma Inni ‘Auzubika Min Syarri Nafsi, Wa Man Syarri Kulli Dabbatin Anta Aakhizun Binasiyatiha Inna Robbi Sirotin Mustaqim.’” Itu doa Abu Darba, bacalah setiap kali nak keluar rumah, nak tinggalkan harta ataupun kita nak pergi supermarket tinggal kereta di parking. Bacalah sebelum melangkah tinggal kereta itu. In Shaa Allah, ini janji Allah. Dan kita yakinlah. Dan kalaulah apa-apa berlaku, makna

Rasulullah kata “Nescaya tidak akan musnah daripada angin, api, kecurian ke apa tidak akan musnah. hartanya” Siapa kata Rasulullah. Hari ini, orang bergantung kepada safeguard, pada pagar, alarm, pada CCTV. CCTV selalu orang curi, cuma boleh tengok sahaja. Lepas itu apa lagi?

TAMAT BAHAGIAN E

BAHAGIAN F: SUMBANGAN

BA : Apakah sumbangan yang pernah diberikan oleh penduduk setempat?

EA : Penduduk setempat, adalah keluarga terdekat dari segi bantuan kewangan. Yang sorang bagi lima ratus, yang sorang bagi enam ratus, yang sorang itu bagi seribu. Yang itu sahaja. Yang lain-lain tiada. Dari segi sumbangan tenaga pun tiadalah

CW : oh, tenaga pun?

EA : Ya. Kalau ada pun, tapi dia kita upah dia. Upah dia makna bayar lah. Cucu sepupu saya. Tapi kalau yang datang, mari untuk bantu-bantu tiada lagi lah. Tapi orang luar, daripada kampung ini, daripada Kuala Terengganu itu, ada yang datang kadang-kadang duduk sampai seminggu bantu saya masa saya buat ini (tunjuk bilik air)

CW : Bilik air?

EA : Bilik air itu. Pasal ini kena turun naikkan, kalau seorang memang letih. Turun nak ambil bata semua.

CW : Poksu kenal ke dia?

EA : Dia pekerja kawan poksu. Kawan poksu bayar gaji ke dia, dia mari duduk sini. Bukan dia datang saja-saja, tapi kawan poksu yang hantar. Alhamdulillah la.

BA : Kalau dari mana-mana badan kebajikan?

EA : Badan kebajikan, NGO Misi7, pada bulan, dua tiga bulan lepas, ada dalam Facebook, dia datang gotong-royong bersihkan kawasan asrama dan kemas-kemaskan barang dalam asrama itu di samping – Selepas itu dia infaqkan dua motor air, pam air tanah itu, bersekali dengan duit untuk biaya Borim dan paip-paip dia. NGO Misi7 nama dia. NGO M-I-S-I 7. Dan saya tengok dalam Facebook dia, dia sekarang sedang nak pergi ke Utara Laos untuk membantu kaum-kaum

muslim di sana yang kesejukan sekarang. Dia sedang memungut dana. Ada sikit-sikit je lagi tidak cukup.

BA : Kalau dari Menteri Terengganu sendiri ada bagi apa-apa sumbangan tak?

EA : Dari?

CW : Menteri Terengganu.

EA : Dari kerajaan negeri Terengganu, belum-belum tidak ada apa-apa pun. Pasal saya ini pelik sedikit. Kalau kena isi-isi borang saya tidak mahu. Ada sekali pegawai pejabat agama datang suruh isi borang. Saya kata minta maaf la saya. Dia kata “eh, kalau isi borang, kita ada bagi peruntukan” Kata “tak payah la. Kalau nak bagi, bagi lah” Dia kata “Tak boleh kalau tak isi borang” Saya kata “Saya dulu kerja pejabat juga. Saya kerja pejabat daerah. Ada benda kena isi borang ada benda yang boleh tak kena isi borang”

CW : Tahu selok belok ---

EA : Jadi dia pun berundur pergilah. Dua orang yang datang. Dia kenal saya masa bekerja pejabat daerah dulu. Dia nak bantu sebenarnya. Kita terima kasih, tapi sampai tahap isi borang saya tak isi. Macam sini juga, sampai tahap buat tabung, saya tidak buat. Orang nak bagi, itu cerita orang. Tapi kita tak menadah.

BA : Sumbangan apakah yang paling diperlukan untuk surau buat masa sekarang?

EA : Di sini. Susahlah makna kalau nak cakap kayu nanti kayu yang orang nak bagi tak sesuai dengan kehendak kita. Bahan-bahan binaan macam simen tak diguna sangat. Tapi kita perlu banyak lagi belanja untuk nak siapkan disamping surau, juga nak cukupkan keperluan madrasah, Madrasah al Insan Sakar al Iman. Almari pakaian pelajar belum dibeli. Baru ini tanya dekat kedai yang tinggi yang besi, satu almari boleh pakai dua orang. Dia ada dua pintu, ada dua kunci, dua rak. 340

rasa satu almari. Jadi kita perlu untuk lima puluh orang. Makna, satu tu untuk dua orang, jadi dua puluh lima kali dengan 300 lebih. Sekarang tengah doa, mudah-mudahan adalah Allah hantar mana-mana --- Untuk surau ini, tak banyak dah keperluan dia, sekarang kita tengah upgrade wayaring, tapi Alhamdulillah makna untuk perbelanjaan itu sudah mencukupi. Ada sikit-sikit sahaja lagi la nak beli bata untuk di bawah dalam seribu dua ribu begitu sahaja.

BA : Okay, antara sumbangan yang pernah diterima apakah yang paling bermakna bagi Encik Arif?

EA : Semua sumbangan adalah bermakna. Tidak ada, walaupun dia cuma datang bawa sebatang paku sahaja. Tapi itu pun satu benda yang bermakna. Pasal benda, sumbangan untuk keperluan agama Allah ini semua besar di sisi Allah taala. Sehingga seringgit diganda kepada 700 000 ringgit, di akhirat. Allahu robbi. Jadi kalau sebatang paku itu, 700 000 batang paku. Sehingga pernah Rasullulah beritahu “Bilkhairil hissab”. Makna tidak ada penghisapan, banyak mana ganjaran, tak boleh nak --- Banyak lagi tak soalan, paksu ada tetamu ni.

CW : Ada dalam lima belas lagi, boleh je (sahaja)

EA : Ha (tertanya-tanya)

CW : Dalam lima belas soalan lagi -

EA : Allah, *doh derah-derah sikit* [kalau macam itu, cepat sikit]

CW : Ke nak berhenti dulu – pok su dengan tetamu – Boleh sahaja. Em kita *pause dulu* [berhenti seketika] sebab paksu ada tetamu nanti kita sambung balik.

BA : Okay.

(berhenti rehat)

TAMAT BAHAGIAN F

BAHAGIAN G: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

CW : **Sekarang kita teruskan dengan soalan anugerah dan pencapaian. Apakah anugerah yang Encik Arif pernah terima semasa bekerja – semase bekerja bersama pegawai kerajaan dulu?**

EA : Anugerah *mende* [apa]?

CW : **Anugerah ketika bekerja dengan kerajaan. Pekerja cemerlang ke**

EA : Tahun '91.

CW : **1991?**

EA : Ha (bersetuju), anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pejabat daerah Setiu.

CW : **Em, semasa menjadi – hasil-hasil puisi Encik Arif ini ada yang orang bagi anugerah untuk hasil puisi itu?**

EA : (menggeleng)

CW : **Sebab belum di antalogikan.**

EA : Em (mengiyakan)

CW : **Em, ketika menjadi pegawai pendidikan negeri? Ada apa-apa anugaerah yang pernah diterima?**

EA : *Takdok takdok* [Tiada]

CW : **Pencapaian ketika menjadi pegawai pendidikan atau pegawai daerah?**

EA : Bukan pegawai daerah, kaki tangan pejabat daerah. Pegawai daerah itu DO.

CW : **Pencapaian ketika itu? Jawatan tertinggi la dekat situ.**

EA : *Takdok benda pon* [Tiada apa-apa pon]. Biasa-biasa sahaja.

TAMAT BAHAGIAN G

BAHAGIAN H: CABARAN DAN HARAPAN

- CW** : **Saya ambil sedikitlah untuk yang depan. Untuk cabaran sembilan puluh dua (memandang BA).**
- BA** : **(Angguk)**
- CW** : **Untuk cabaran dan harapan, apakah cabaran yang Encik Arif hadapi semasa musim pandemik COVID-19?**
- EA** : **Pandemik ini, payah untuk buat kerja. Dulu kadang-kadang, nak dapatkan barang-barang itu, bahan-bahan itu sukar. Satu kedai tutup, satu ---**
- CW** : **Susah untuk mendapatkan bahanlah. Em harapan Encik Arif terhadap surau?**
- EA** : **Harapan, mudah mudahan dia menjadi, satu tempat suci untuk semua orang beribadat dengan tenang.**
- CW** : **Apakah inisiatif yang Encik Arif akan lakukan untuk menarik lagi ramai orang datang beribadah, untuk mengimarahkan lagi surau ini.**
- EA** : **Kita akan buat program untuk ziarah, dari hati ke hati, ziarah dari hati ke hati, untuk memberi kefahaman kepada umat, sama ada di kampung ini atau mana-mana sahaja supaya, rasa bertanggungjawab untuk mengimarahkan rumah Allah taala.**
- CW** : **Adakah Encik Arif berhajat atau mempunyai impian untuk membuat laman sesawang sendiri untuk menceritakan hal surau ini? Atau cukup sekadar Youtuber-youtuber atau orang ramai yang membuat artikel sahaja?**
- EA** : **Sehingga ini, kita tidak ada apa-apa perancangan untuk surau ini, tapi In Shaa Allah, apabila Madrasah al Insan Sakar Iman beroperasi nanti, kita akan buka satu**

channel [saluran] dari segi aktiviti madrasah dan bagaimana kehidupan pelajar-pelajar menghadapi hari-hari dia sebagai seorang pelajar.

CW : Siapakah dalam fikiran Encik Arif akan mewarisi surau ini suatu hari nanti?

EA : Kita mengharapkan pada zuriat keturunan.

CW : Supaya diwarisi oleh keturunan sendiri.

EA : Supaya menyambung usaha ---

CW : Okay, teruskan.

BA : Adakah Encik Arif, ingin bekerjasama dengan mana-mana agensi untuk ---

EA : Untuk apa?

CW : Untuk menjaga kebajikan surau.

EA : Kita tidak bercadang dan tidak berharap. Tetapi, kita terbuka, sekira ada mana-mana pihak – ataupun badan - untuk sama-sama bertanggungjawab atas surau ini.

BA : Pada pendapat, apakah pendapat Encik Arif terhadap surau ini dalam tempoh masa sepuluh tahun akan datang?

EA : Kita pun tak boleh nak jangka benda itu. Diluar jangkaan. Cuma kita mengharapkan bukan sekadar sepuluh tahun akan datang dan sampai kiamat pun surau ini masih tetap utuh begini. Dengan penambahbaikan daripada orang-orang yang kemudian.

BA : Apakah pesanan atau kata-kata semangat Encik Arif kepada golongan masa kini yang mempunyai niat untuk membina surau seperti ini?

EA : Apa benda?

CW : Apakah pesanan atau kata-kata semangat Encik Arif kepada golongan masa kini sekiranya ada golongan yang jugamempunyai niat untuk membina surau seperti yang Encik Arif telah berjaya bina?

- EA : Harapan saya dan – semoga generasi yang akan datang tidak lokek, memberi tenaga dan juga harta benda untuk membangunkan satu rumah Allah taala di muka bumi ini, mana-mana tempat pun, sama ada yang berkonsep begini atau secara batu atau mana-mana mengikut keupayaan masing-masing.
- CW : Encik Arif, adakah setiap masa masuk waktu solat memang surau ini ada melaungkan laungan adzan?**
- EA : Ya (angguk) memang dilaungkan adzan.
- CW : Dilaungkan oleh Poksu sendiri?**
- EA : Ya, kadang-kadang ada orang singgah kalau kebetulan baru masuk waktu, dia yang adzan, dia minta izin untuk adzan. Ada setengah orang memang berhasrat untuk adzan di sini. Kita cakap, adzanlah.
- CW : Dilengkapi dengan pembesar suara?**
- EA : Tak, kita tidak akan menggunakan pembesar suara.
- CW : Sebab dah ada masjid?**
- EA : Itu satu, satu lagi itu bukan sunnah.
- CW : Maksudnya dia adzan dekat sini supaya, tambah-tambah kalau orang lelaki perlu solat di tempat yang dilaungkan adzan kan?**
- EA : Ya (angguk).
- CW : Okay [Baiklah], itu sahaja dari saya. Balqis?**
- BA : Akhir sekali, bolehkan Encik Arif memberi beberapa kata-kata semangat ataupun cadangan untuk sesebuah institusi agama bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan ilmu?**
- EA : Institusi agama bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan apa?
- CW : Ilmu kepada generasi sekarang.**

EA : Kita sebenarnya tidak layak kalau nak bercakap untuk agensi agama. Cuma kita harap dalam membangunkan agama dalam kehidupan seluruh umat ini biarlah secara menyeluruh. Bukan sekadar bercakap di masjid, bilik-bilik kuliah, pejabat-pejabat, media sosial sama ada televisyen atau apa-apa tapi apa yang baginda Rasulullah SAW dan para sahabat buat pergi rumah kerumah, lorong ke lorong, berjumpa dari hati ke hati bercakap tentang kebesaran Allah Taala dan ajak manusia kepada amal untuk gembirakan Allah Taala. Sebagaimana seorang pujangga urdu dalam satu syair dia, dia berkata *Jagna Hael Jagle Aflak Key Sayatele, Fir Hasyarta Syatarhega Araske Sayatele*. Yang memberi makna. *Jagna Hael Jagle bangun*, bangkitlah buat usaha sungguh-sungguh atas agama Allah, itu maksud dia *Jagna Hael Jagle. Aflak Key Sayatele*, di bawah naungan cakerawala alam bermakna di bawah naungan langit, bangun berusaha sungguh-sungguh di atas jalan Allah. *Fir*, maksud dia sehingga di sini, maksud sehingga di sini itu sehingga di kubur. *Hasyarta Syatarhega*, berehatlah kamu sehingga ke marsyar. *Araske Sayatele* dan di mahsyar nanti, bangun untuk bernaung di bawah arasy Ilahi. Antara tujuh golongan manusia yang dapat bernaung di bawah arasy Ilahi di Padang Marsyar nanti, di mana tiada naungan lain selain arasy Allah Taala, adalah manusia yang bertemu dan berpisah semata-mata kerana Allah Taala. Jadi mana-mana agensi atau badan-badan bertanggungjawab terhadap atau penguasa kepada pengembangan agama Allah Taala di muka bumi ini, buatlah sebagaimana Nabi buat dulu, dimana bukan setakat duduk di pejabat bercakap dalam televisyen, bercakap di surau, masjid, bukan tapi bergi berjumpa manusia turun ke padang. Nabi pergi dari lorong ke lorong, dari pintu ke pintu, rumah ke rumah jumpa ketuk pintu hati manusi daripada setiap manusia sehingga perempuan buta Yahudi memeluk Islam walaupun masa itu Nabi sudah tiada, tapi

akhlak Nabi. Begitu juga dengan sahabat-sahabat. Sahabat buat sungguh-sungguh, sampai ke zaman Saidina Umar di mana tiga suku alam, tiga suku dunia sahabat sampai untuk mengetuk pintu-pintu hati manusia kepada Allah Taala, kepada tarikh Nabi SAW.

CW : Sekiranya Encik Arif sudi, boleh ke bacakan salah satu puisi ataupun puisi baru untuk kami dengarkan hari ini?

EA : Puisi Salam Dari Bumi Darul Inam. Saujana hamparan permaidani China Selatan, malam masih sudi membirukan samudera, fajar masih didi mengharap mentari, membening cahaya di jejalur tali arus, belibis biru mengepak rindu, meloncati gemercik air masin manis, meski mericih di lubuk remis, ilusi bersama sentiasa menitis, sering kali, kerap waktu mendetik ketika memanggil aku melilau linang mulih pasang di muara, sambil mendengar merisik kundasang di kinabalu ingatan tidak pernah lebur meski dimamah waktu, sesungguhnya dekad kemesraan yang terpenjara di biografi persahabatan adalah dek ditelan kucah gelombang keadaan aku ku, dan aku mu yang begitu begini, sebagaimana pun demi hari-hari mendatang untuk generasiku, hakikatnya antara kita adalah rindu adalah harapan, mendengar tusukan Nabi Daud mendengar menyanyikan lagu memuja kebesaraan Tuhan di Firdausy-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin. Arif Karimi, Langgar Rindu Kampung Rhu Tapai, Merang Setiu, Terengganu. Wabillahitaufik Assalamualaikum Warahmatullahiwarokatuh.

BA : Baiklah, terima kasih Encik Arif kerana sudi meluangkan masa untuk menjalani sesi temubual ini bersama-sama kami. Dengan ini, tamatlah sesi temubual bersama-sama dengan Encik Abdul Karim Haji Embong berkenaan dengan pengamalan manis dan juga kerjaya lampau beliau sebelum beliau membina Surau Langgar Rindu ini. Kami mengucapkan

ribuan terima kasih kepada Encik Abdul Karim atas kesudian beliau untuk menyempurnakan wawancara ini. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

TAMAT BAHAGIAN H

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Che Wan Nur Shafiqah dan Balqis Aina telah menemu ramah Encik Arif, pada tarikh 18 Disember 2021, hari Jumaat dan bertempat di Surau 'Langgar Rindu'. Temu ramah diadakan bertujuan untuk untuk mengetahui lebih terperinci tentang tokoh tempatan yang berkaitan dengan budaya dan warisan kita. Tokoh yang dipilih untuk kajian ini ialah Encik Abdul Karim Bin Embong, yang merupakan pemilik sebuah surau kayu yang terkenal di Terengganu bernama "Langgar Rindu".

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG		
01.23	Nama penuh tokoh	Abdul Karim Bin Embong
01.36	Nama panggilan tokoh	Arif Poksu Arif
02.02	Tempat lahir Encik Arif	Kampung Rhu Tapai, Merang, Setiu
02.13	Asal Encik Arif	Terengganu
02.54	Nama ibu Encik Arif	
03.32	Asal isteri Encik Arif.	Felda Bukti Pading, Terengganu.
04.20-04.49	Tempat kerja anak Encik Arif	Hospital Putrajaya PETRONAS Gebeng
04.50	Tempat belajar anak Encik Arif	Universiti Petronas

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN TOKOH		
05.33	Sekolah Rendah Encik Arif	Sekolah Kebangsaan L-K-T-P Jerangau
05.46-06.06	Sekolah menengah Encik Arif	Sekolah Menengah Kebangsaan Landas Sekolah Menengah Kebangsaan Maras Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin
13.59	Peperiksaan penting yang diambil Encik Arif	Sijil Pelajaran Malaysia Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
14.43-15.06	Sekolah yang menawarkan tingkatan enam di Terengganu	Sekolah Sultan Sulaiman Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin Sekolah Ibrahim Fikri Sekolah Menengah Padang Midin
BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH		
15.48-17.10	Tempat kerja Encik Arif	Kerajaan Negeri Terengganu di Pejabat Akautan Negeri Pejabat Daerah Setiu, Bandar Permaisuri Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu
18.11-18.31	Antara tempat Encik Arif bekerja	Felda Kampung Awah, Pahang Felda Kemasul, Pahang Felda Sereting, Negeri Sembilan Felda Kerteh 3, Terengganu
18.54	Nama madrasah Encik Arif	Madrasah Al-Insan Sakar Iman
BAHAGIAN 4: SOALAN LAIN-LAIN		

21.35	Menceritakan tentang puisi yang beliau pernah tulis dan bakal di antalogikan	Puisi Ketuhanan Puisi Teman-teman
23.10	Menceritakan tentang bagaimana beliau boleh berkecipung dalam bidang puisi	Pertandingan skrip teater 1978 Menjadi Johan
26.09	Menceritakan tentang puisi kegemaran	Bicara di Antara Dua Nisan
BAHAGIAN 5: SOALAN BERKAITAN LANGGAR RINDU		
27.42	Menceritakan tentang sejarah Langgar Rindu	Nama Langgar Rindu Kampung Rhu Tapai Madrasah
34.37	Menceritakan tentang ukiran yang berada di Langgar Rindu	Dibuat sendiri
36.31	Menceritakan tentang pelancong yang pernah datang ke Langgar Rindu	Saito Musasibo Jepun Keturunan Bani Umaiyah Fatima Az-Zahra
42.09	Menceritakan tentang stesen televisyen yang pernah datang untuk menemubual	Astro Al-Hijrah TV1 Youtuber
43.14	Menceritakan tentang ahli politik yang pernah datang	Yang Berhormat Kawasan Bandar Datuk Dr Zulkifli
44.46	Menceritakan tentang wartawan yang pernah datang	Berita Harian Utusan Malaysia Sinar Harian News Strait Times

47.09	Menceritakan tentang penambahbaikan yang akan dilakukan	Sistem pencahayaan Kolah air sembahyang Wakaf
59.54	Menceritakan tentang langkah-langkah untuk menjaga surau	Doa Abu Darda
BAHAGIAN 6: SUMBANGAN		
1.02.14	Menceritakan tentang sumbangan yang pernah diterima	Kewangan Tenaga kerja Gotong-royong
1.05.53	Menceritakan tentang sumbangan yang diperlukan buat masa sekarang untuk penambahbaikan surau	Bahan-bahan binaan Almari pakaian
BAHAGIAN 7: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN		
1.08.54	Menceritakan tentang anugerah yang pernah diterima	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BAHAGIAN 8: CABARAN DAN HARAPAN		
1.10.56	Menceritakan tentang cabaran yang dihadapi semasa musim COVID-19	Susah mendapat bahan
1.13.08	Menceritakan tentang harapan untuk membina laman sesawang	Pelajar Madrasah

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
9.29 am	27/10/2020	Menerima tugas untuk menemu ramah seorang tokoh yang	Mula mencari tokoh untuk ditemu ramah.
10.00 am	27/10/2020	Berbincang mencari tokoh yang sesuai untul ditemu ramah	Proses mendapatkan maklumat mengenai tokoh adakah menepati kriteria soalan.
2.43 pm	27/10/2020	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video.	Memilih pengusaha 'Langgar Rindu' yang bernama Encik Abdul Karim Bin Hj Embong sebagai tokoh yang akan ditemu ramah.
9.00 pm	16/11/2020	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video..	Berbincang tentang ayat untuk mendapatkan persetujuan tokoh untuk ditemu ramah.
9.08 am	17/11/2020	Mula menghubungi tokoh melalui media sosial (Facebook).	Mencari nama akaun media sosial (Facebook) tokoh.
11.05 am	24/11/2020	Perjumpaan pertama dengan tokoh di 'Langgar Rindu' bagi mendapatkan persetujuan beliau untuk ditemu ramah.	Perjumpaan pertama dengan tokoh.
4.04 pm	25/11/2020	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video.	Berkongsi maklumat berkaitan

			<i>Preliminary Preparation</i> sesama ahli kumpulan.
9.00 pm	25/11/2020	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video.	Berkongsi maklumat berkaitan <i>Proposal</i> sesama ahli kumpulan.
10.00 am	26/11/2020	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video.	Persiapan akhir <i>Preliminary Preparation</i> dan <i>Proposal</i> .
8.08 pm	26/11/2020	Menghantar <i>Preliminary Preparation</i> .	Menghantar <i>Preliminary Preparation</i> kepada pensyarah di <i>Google Classroom</i> .
9.00 pm	28/11/2020	Mengenal pasti bentuk soalan yang perlu dibina untuk ditanya kepada tokoh.	Perbincangan mengenai soalan bersama ahli kumpulan.
11.57 pm	6/12/2020	Menghantar draft pertama untuk disemak.	Menghantar draft <i>Interview Question</i> kepada pensyarah di <i>Google Classroom</i>
10.00 am	9/12/2020	Mendapat balik draft <i>Interview Question</i>	Pensyarah memulangkan draft <i>Interview Question</i> .
2.08 pm	13/12/2020	Mendapat arahan pensyarah.	Pensyarah menyuruh untuk berjumpa melalui <i>Google Meet</i> .
3.00 pm	13/12/2020	Pertemuan dengan pensyarah.	Berjumpa dengan pensyarah <i>Google</i>

			<i>Meet.</i>
5.40 pm	16/12/2020	Penghantaran kedua <i>Interview Question</i> .	Menghantar <i>Interview Question</i> kepada pensyarah di <i>Google Classroom</i>
8.49 pm	17/12/2020	Mendapatkan pengesahan pensyarah melalui <i>WhatsApp</i> .	Mendapatkan pengesahan pensyarah berkaitan dengan <i>Interview Question</i> .
8.00 am	18/12/2020	Persiapan temu ramah.	Shafiqah bertolak dari rumah ke 'Langgar Rindu' untuk menemu ramah tokoh secara bersemuka.
8.30am	18/12/2020	Persiapan temu ramah	Balqis membuat persediaan di rumahnya untuk menemu ramah tokoh melalui <i>Google Meet</i> .
10.00 am	18/12/2020	Temu ramah bersama tokoh dijalankan di 'Langgar Rindu' selama lebih kurang 1 jam, 30 minit.	Memulakan sesi temuramah bersama tokoh pada jam 9.22 am dan berakhir pada 11.18 am.
8.00 pm	22/12/2020	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video.	Mula mengagihkan tugas dan bahagian rakaman yang telah dibuat
12.10 am	9/01/2021	Perbincangan ahli kumpulan secara <i>WhatsApp</i> .	Berbincang mengenai tarikh-

			tarikh akhir penghantaran tugas.
4.00 pm	9/01/2021	Perbincangan ahli kumpulan secara <i>WhatsApp</i> .	Pembahagian tugas akhir sesama ahli kumpulan.
9.00 pm	28/01/2021	Perjumpaan ahli kumpulan secara panggilan video.	Perbincangan tentang <i>Research Diary</i> sesama ahli kumpulan.
11.30 pm	1/2/2021	Menghantar Transkrib	Menghantar Transkrib kepada pensyarah di <i>Google Classroom</i>
11.35 pm	1/2/2021	Menghantar Transkrib	Menghantar <i>Research Diary</i> kepada pensyarah di <i>Google Classroom</i>

SENARAI SOALAN

SENARAI SOALAN

Bahagian A: Latar belakang tokoh

1. Apakah nama penuh encik?
2. Nama panggilan yang encik gunakan?
3. Berapakah umur Encik Arif?
4. Dimanakah tempat lahir Encik Arif?
5. Adakah Encik Arif memang berasal dari Terengganu?
6. Adakah semua adik beradik Encik Arif menetap di Terengganu?
7. Bilakah tarikh lahir Encik Arif?
8. Berapakah bilangan adik-beradik Encik Arif?
9. Apakah nama ibu Encik Arif?
10. Apakah nama isteri Encik Arif?
11. Dimanakah asal isteri Encik Arif?
12. Berapakah bilangan anak Encik Arif?
13. Apakah antara pekerjaan anak-anak Encik Arif?
14. Dimanakah anak-anak Encik Arif tinggal?
15. Berapakah bilangan cucu-cucu Encik Arif?

Bahagian B: Pendidikan tokoh

16. Di manakah sekolah rendah Encik Arif?
17. Apakah pengalaman manis di sekolah rendah Encik Arif?
18. Di manakah sekolah menengah Encik Arif?
19. Apakah pengalaman manis di sekolah menengah Encik Arif?
20. Bagaimanakah Encik Arif ke sekolah pada zaman dahulu?
21. Bagaimanakah uniform sekolah yang Encik Arif pakai pada zaman dahulu?
22. Sekiranya Encik Arif masih ingat, berapa orangkah pelajar di dalam kelas Encik Arif?
23. Bolehkan saya tahu apakah taraf pendidikan Encik Arif?
24. Bagaimanakah Encik Arif boleh terlibat dengan skop pendidikan agama?
25. Memandangkan surau ini dibina oleh Encik Arif sendiri, bagaimanakah Encik Arif mendapat pendidikan tentang ilmu pertukangan?
26. Adakah Encik Arif mengambil kursus yang khusus di dalam bidang pertukangan?
27. Bagaimanakah suasana pendidikan pada zaman Encik Arif dahulu?
28. Apakah perbezaan cara dan kaedah menuntut ilmu pada zaman dahulu dan sekarang?

Bahagian C: Kerjaya tokoh

29. Pada umur berapakah Encik Arif mula bekerja?
30. Apakah pekerjaan pertama Encik Arif selepas SPM?
31. Apakah pekerjaan Encik Arif setelah tamat belajar?
32. Adakah Encik Arif pernah bekerja di negeri selain Terengganu?
33. Apakah pekerjaan yang paling lama Encik Arif bekerja?
34. Sebelum Encik Arif membina Surau Langgar Rindu, apakah pekerjaan yang Encik Arif pernah lakukan?
35. Daripada apa yang saya pernah baca dalam suatu akhbar, Encik Arif memiliki sebuah madrasah, apakah nama madrasah tersebut?
36. Apakah yang mendorong Encik Arif untuk membina madrasah tersebut?
37. Berapa ramai pelajar yang berada di madrasah tersebut?
38. Apakah yang perlu dilakukan jika ada orang diluar sana yang ingin memasukkan anak mereka ke madrasah tersebut?

Bahagian D: Soalan lain-lain

39. Adakah benar hasil dari beberapa bahan bacaan, saya mendapati Encik Arif juga merupakan seorang penulis puisi?
40. Berapa banyak puisi yang telah Encik Arif tulis?
41. Sejak bilakah Encik Arif mula menulis puisi?
42. Bagaimana Encik Arif boleh melibatkan diri dalam bidang puisi?
43. Siapakah yang mengajar Encik Arif tentang asas dalam menulis puisi?
44. Apakah nama yang Encik Arif gunakan semasa berkecipung dalam bidang menulis puisi?
45. Dari mana datang idea untuk Encik Arif menulis puisi?
46. Berapa buah puisi hasil coretan Encik Arif?
47. Antara puisi yang pernah ditulis, yang mana satukah menjadi kegemaran Encik Arif dan kenapa?
48. Apakah puisi kegemaran Encik Arif?
49. Siapakah antara penulis puisi yang selalu berkongsi idea bersama Encik Arif?
50. Adakah puisi-puisi Encik Arif dah dibukukan?

Bahagian E: Soalan Berkaitan Langgar Rindu

51. Mengapakah Surau ini diberi nama Surau Langgar Rindu?
52. Mengapakah Encik membuat keputusan untuk membina Surau ini di Kampung Rhu Tapai?
53. Bagaimana Encik mendapat ilham untuk membina Surau Langgar Rindu ini?
54. Mengapa Encik mengambil keputusan untuk menggunakan kayu tersebut untuk membina surau, dan bukan membina perabot?
55. Berapa lamakah masa yang diambil oleh Encik untuk membina Surau ini?
56. Berapakah keluasan Surau ini?
57. Bahagian manakah yang mengambil masa paling lama untuk disiapkan?
58. Adakah Encik membuat sendiri ukiran tulisan jawi atau ada menempah dari sesiapa?
59. Adakah Encik mendapat pertolongan daripada sesiapa ataupun Encik Arif membina Surau ini sendiri sahaja. Jika ada dari siapa?
60. Bagaimanakah reaksi keluarga Encik tentang Surau ini?
61. Bagaimana pula dengan reaksi orang kampung?
62. Adakah Encik berada di Surau ini pada setiap masa?
63. Sejak Surau menjadi 'viral' adakah terdapat pelancong dari Negeri lain selain Terengganu yang datang untuk melihat Surau ini dan dari mana yang sering datang?
64. Adakah Encik pernah menerima pelancong dari luar negara dan dari mana?
65. Bagaimanakah reaksi orang luar semasa mereka pertama kali melihat Surau ini?
66. Apakah soalan yang sering ditanya oleh mereka ketika melihat Surau ini?
67. Stesen television apa yang pernah datang untuk menemubual Encik?
68. Siapakah artis ataupun ahli politik yang pernah datang untuk melihat Surau ini?
69. Wartawan dari akhbar apa yang pernah datang melawat Surau ini?
70. Siapakah tetamu yang paling istimewa bagi Encik, yang pernah datang melawat Surau ini?
71. Adakah Encik akan menambah baik lagi Surau ini?
72. Apakah aktiviti yang boleh dilalukan oleh pelajar-pelajar di Surau ini ketika pendamik ini berlaku?
73. Sepanjang Surau ini dibina, berapa bilangan pelawat yang paling ramai pernah Encik terima pada satu hari?
74. Pada pendapat Encik, apakah impak yang telah Surau ini berikan kepada Negeri Terengganu?

75. Apakah pengalaman manis yang Encik pernah lalui sejak membina Surau ini?
76. Apakah pengalaman pahit yang Encik lalui semasa membina Surau ini?
77. Pernah tak Encik melihat orang melakukan vandalisme terhadap Surau ini?
78. Apakah langkah yang Encik ambil untuk menjaga Surau ini?
79. Adakah Encik berasa puas hati dengan pembinaan Surau ini atau Encik ada ingin mengubah apa-apa?

Bahagian F: Sumbangan

80. Apakah sumbangan yang pernah diterima oleh penduduk setempat?
81. Apakah sumbangan yang pernah diterima daripada mana-mana badan kebajikan?
82. Apakah sumbangan yang pernah diberi oleh Menteri Terengganu kepada Encik sepanjang pembinaan Surau ini?
83. Sumbangan apakah yang paling diperlukan untuk Surau buat masa sekarang?
84. Sumbangan dari siapakah yang paling bermakna buat Encik?
85. Mengapakah sumbangan tersebut menjadi yang paling bermakna buat Encik?

Bahagian G: Anugerah Dan Pencapaian

86. Apakah anugerah yang Encik pernah terima semasa bekerja sebagai seorang penulis puisi?
87. Apakah pencapaian yang pernah Encik dapat selama Encik bekerja sebagai seorang penulis puisi?
88. Apakah anugerah yang pernah diterima sepanjang kerjaya Encik sebagai seorang Pegawai Daerah?
89. Apakah pencapaian yang pernah Encik dapat selama Encik bekerja sebagai seorang Pegawai Daerah?
90. Apakah anugerah yang pernah diterima, sepanjang bekerja sebagai seorang Pegawai Pendidikan Daerah?
91. Apakah pencapaian yang pernah Encik dapat selama Encik bekerja sebagai seorang Pegawai Pendidikan Daerah?

Bahagian H: Cabaran Dan Harapan

92. Apakah cabaran yang Encik hadapi sepanjang musim pendamik ini berlaku?
93. Apakah harapan Encik terhadap Surau ini?
94. Apakah inisiatif yang Encik ingin lakukan untuk menarik lagi minat orang ramai terhadap Surau ini?
95. Adakah Encik mempunyai hajat untuk membuat laman sesawang untuk menceritakan tentang Surau ini kepada orang ramai?
96. Apakah yang Encik akan lakukan untuk menarik lagi perhatian orang ramai untuk datang singgah di Surau ini?
97. Apakah harapan Encik pada pewaris Surau ini pada masa akan datang?
98. Adakah Encik akan ataupun ingin bekerjasama dengan mana-mana agensi atau pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga kecantikan dan keunikan Surau ini?
99. Apakah pendapat Encik tentang keadaan Surau ini dalam tempoh 10 tahun yang akan datang?
100. Apakah pesanan atau kata-kata semangat Encik kepada golongan masa kini yang juga mempunyai niat untuk membina surau seperti ini?
101. Bolehkan Encik memberikan beberapa kata sokongan dan cadangan untuk sesebuah instituti agama bergerak seiring dengan masa kini dalam menyampaikan ilmu?

SURAT PERJANJIAN

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ABDUL KARIM BIN HAJI LAKSH K/P: pada
15/12/2020 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh)
Tarikh:

.....
(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Figure 2: Surat Perjanjian

GAMBAR

GAMBAR



Figure 3: Kunjungan kali pertama untuk mendapatkan persetujuan



Figure 4: Ketika temubual dijalankan



Figure 5: Langgar Rindu



Figure 6: Che Won Nur Shafiqah bersama dengan Encik Abdul Karim

INDEKS

INDEKS

A

Antalogi, 10,13,15,36

Atap, 16,18,22

E

Elektrik, 12

K

Kanopi, 22

L

Langgar Rindu, 2,11,16,17,27,41

M

Madrasah, 7,11,12,16,17,20,21,22,34,37

Menteri, 23,24,34

P

Prosa, 13

Puisi, 10,12,13,14,15,36,41

S

Surau,

7,11,16,17,18,19,20,21,22,23,25,27,29,30,31,
34,35,37,38,40,41

T

Teater, 13

Tingkatan, 9